



**MATLAMAT** tujuh huruf yang diberikan kepada umat Nabi Muhamad adalah untuk meringan dan kemudahan mereka membaca al-Quran. - Gambar hiasan

# Maksud tujuh huruf

## Bicara Qiraat

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD**

**U**MUM mengetahui bahawa nama riwayat bacaan al-Quran yang diamalkan di kebanyakan negara Islam pada hari ini, Malaysia khususnya adalah Riwayat Hafz daripada Qiraat Asim.

Qiraat Asim adalah salah satu daripada Qiraat Tujuh atau Qiraat Sepuluh yang telah diittifaq ulama statusnya *mutawatirah*.

Untuk memahami riwayat-riwayat

al-Quran, ia memerlukan kepada memahami susur galur sejarah bacaan al-Quran di zaman Rasulullah SAW hinggalah kepada pembukuan al-Quran di zaman Abu Bakar al-Siddiq r.a dan Uthman Ibn Affan r.a.

Selain itu, perlu juga mengkaji perkembangan Qiraat di zaman Ibnu Mujahid yang meninggal dunia pada tahun 324 hijrah.

Nama ini cukup besar dalam pengajian ilmu qiraat kerana beliaulah yang memilih tujuh qurra' iaitu Nafei al-Madani, Ibnu Kathir al-Makki, Abu Amru al-Basri, Ibnu Amir al-Dimasyqi, Abu al-Najud Asim al-Kufi, Hamzah al-Zayyat dan al-Kisai.

Tujuh Qiraat atau Sepuluh Qiraat adalah satu juzuk daripada Tujuh Huruf. Pandangan ini dipegang oleh jumhur ulama.

Huraian dan syarahan hadis berkaitan tujuh huruf ini mendapat perhatian ulama dulu hingga sekarang.

■ **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD** ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

## Perbahasan ulama tentang tujuh huruf

ULAMA terdahulu yang menghurai tajuk ini adalah al-Imam Sayuti, al-Imam Ibn Jazari, Ibn Hajar al-Asqalani, al-Qurtubiy. Manakala ulama mutakhir ialah Dr. Abdul Aziz al-Qari, Sheikh Abdul Fattah al-Qadhi, Sheikh Dr Nuruddin 'Ittir, Dr. Muhammad Khalid Abdul Aziz, Dr. Ahmad Abu Dhahir, Dr. Fadl Hasan Abbas dan lain-lain.

Terdapat beberapa hadis yang menyebut tentang tujuh huruf, antaranya adalah hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim dari Ibn Abbas ra, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *Jibril telah mengajar aku membaca al-Quran dengan satu huruf lalu aku terus memintanya ditambah dan beliau menambahnya sehinggalah tujuh huruf.*

Hadis kedua juga diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim daripada Umar Ibn al-Khattab r.a. Dalam hadis ini Umar Ibn al-Khattab mendengar Hisyam Ibn Hakim membaca surah al-Furqan berlainan dengan apa yang Rasulullah SAW ajar kepadanya.

Umar r.a telah mengadu kepada Rasulullah SAW dan baginda telah memerakui kedua-dua bacaan Umar r.a dan Hisyam r.a.

Akhirnya Rasulullah SAW bersabda:

*Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan dengan tujuh huruf maka bacalah yang mudah bagi kamu.*

Imam Sayuti (meninggal pada tahun 911 hijrah) mengulas hadis tujuh huruf ini dengan menegaskan terdapat 40 pendapat ulama yang menghurai maksud tujuh huruf.

Imam Ibn al-Jazari (meninggal pada tahun 833 hijrah) seorang yang pakar dalam bidang Qiraat dan mahir dalam bidang hadis telah mengkaji hadis tujuh huruf ini selama 30 tahun.

Pendapatnya dikeluarkan selepas kajian yang mendalam bentuk qiraat sahih, daif, munkar dan tidak sahih. Dr. Fadhl Hasan Abbas dalam bukunya *al-Qiraat al-Quraniyyah* menyatakan, ulama Qurra seperti Ibn Qutaibah, Muhamad Ibn Haisam, al-Baqillani, Abu al-Fadl al-Razi dan Ibn al-Jazari mempunyai pendapat yang hampir sama walaupun berbeza pada bahagian tertentu.

Sheikh Abdul Fattah al-Qadhi telah memilih pendapat al-Razi, tujuh huruf bermaksud:

- Perbezaan pada kata nama
- Perbezaan pada kata kerja

- Perbezaan pada baris
- Perbezaan pada *ithbat* dan *hazf*
- Perbezaan taqdim dan takhir
- Perbezaan *ibdal* (menukar huruf)
- Perbezaan dialek seperti *fath*, *imalah*, *idgham*, *izhar*.

Ulama tafsir kebanyakannya berpendapat tujuh huruf ialah tujuh *lughah* (bahasa arab) yang masyhur seperti *lughah Quraisy*, *lughah Tamim*, *lughah Huzail* dan sebagainya.

Pendapat ini didokong Imam al-Tabari dan jumhur ulama fiqh dan hadis. Dan mereka menyatakan bahawa Uthman Ibn Affan ra hanya menulis satu huruf sahaja dan enam huruf lagi tidak ditulis. Tujuh Huruf bukan bermaksud Qiraat Tujuh.

Matlamat Tujuh Huruf yang diberikan kepada umat Nabi Muhamad adalah untuk keringanan dan kemudahan mereka membaca al-Quran.

Untuk memahami tajuk ini ia memerlukan pembacaan yang teliti buku-buku ulum al-Quran, memahami hadis tujuh huruf dan memahami perbezaan pendapat antara ulama Qurra dan ulama tafsir.